

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 2/1981

KADAR PREMIUM TAMBAHAN BAGI TANAH-TANAH YANG DIUBAH JENIS KEGUNAAN DIBAWAH SEKSYEN 124 KANUN TANAH NEGARA

1. Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pemungut Hasil Tanah mengenai pindaan kepada tarikh berkuatkuasa Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian, Kelantan Bil. 1/81.
2. Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam mesyuaratnya pada 4.2.1981 telah meminda keputusan yang dibuat pada 28.1.1981 terhadap tarikh berkuatkuasa pengenaan kadar premium tambahan yang tersebut di perenggan 3 dalam Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 1/81. Pindaan itu ialah pengenaan kadar baharu hendaklah berkuatkuasa selepas 28.1.1981 iaitu tarikh Majlis Mesyuarat Kerajaan meluluskan dasar baharu ini. Ini bermakna semua permohonan ubah jenis kegunaan tanah yang belum lagi dilulus oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan sehingga 29.1.1981 hendaklah dikenakan kadar baharu seperti yang ditentukan di perenggan 2 dalam Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian, Kelantan Bil.1/81 tanpa mengira bila permohonan itu diterima.
3. Semua Pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini diminta mengambil perhatian terhadap pindaan ini dan mengenakan kadar baharu bagi semua permohonan yang belum lagi diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

t.t

(Ab. Hamid bin Hj. Abu Bakar)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN

KELANTAN

KEPADA :-

Semua Ketua Jajahan/ Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

Semua Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

SALINAN KEPADA:

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan.

YB. Dato' Penasihat Undang-Undang
Negeri Kelantan.

Pengarah Ukur Kelantan.

Pengarah Takdir
Negeri Kelantan.

Pengarah Penyelesaian Tanah,
Negeri Kelantan.

Ketua Cawangan Odit,
Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, TKT. BAWAH KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : P.T.G. KN. SULIT BIL : 3/81/(8)
BERTARIKH : 8HB. MARCH, 1981**